

22 MAR 2001

Mahathir-Negeri

PERDANA MENTERI, MENTERI BESAR BINCANG PENGURUSAN KEWANGAN

PUTRAJAYA, 22 Mac (Bernama) -- Mesyuarat ke-82 Menteri Besar dan Ketua Menteri hari ini membincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan jentera kewangan kerajaan terutamanya dalam menyelesaikan hutang antara kerajaan dan swasta.

Mesyuarat tiga jam itu yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri di sini dan dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut membincangkan kedudukan ekonomi semasa negara.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan berkata, mesyuarat juga membincangkan usaha kerajaan untuk mempelbagaikan punca makanan bagi tujuan kegunaan dalam negeri dan eksport di samping menggalakkan pelaburan terus asing.

Ia dihadiri oleh semua Menteri Besar kecuali Kelantan dan Terengganu dan Ketua Menteri kecuali Sabah dan Sarawak. Turut hadir ialah beberapa menteri kabinet.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman ketika ditemui pemberita selepas mesyuarat itu berkata Perdana Menteri telah mengarahkan Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya memastikan semua projek yang dilaksanakan di negeri-negeri siap secepat mungkin.

"Ini adalah supaya pembayaran-pembayaran projek dapat dikeluarkan dengan secepat mungkin di mana pembekal-pembekal mendapat pembayaran, dan dengan cara demikian kesan penggandaan kepada pusingan perbelanjaan dapat memastikan pertumbuhan yang berterusan dalam ekonomi kita," katanya.

Beliau berkata langkah itu penting untuk mengatasi masalah yang berbangkit daripada kedudukan ekonomi di luar negara khususnya ekonomi Amerika Syarikat.

Abdul Ghani berkata Dr Mahathir juga telah meminta kerajaan-kerajaan negeri mengambil langkah untuk memastikan pembangunan masyarakat seperti rumah kos rendah dinikmati oleh semua yang berhak dan bukan golongan tertentu sahaja.

"Ini supaya tidak ada kumpulan masyarakat yang rasa tertinggal dan terpinggir dari arus pembangunan negara," katanya.

Abdul Ghani berkata kerajaan negeri telah diminta oleh Perdana Menteri supaya menentukan tidak ada kumpulan masyarakat terpinggir daripada pertumbuhan dan pembangunan negara seperti yang dirasakan oleh sesetengah kumpulan sejak kebelakangan ini

"Kita juga diminta membuat pemantauan dan membawa pembangunan untuk setiap kelompok masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

SR AFY MAI